

Bil. S 46

**AKTA CUKAI PENDAPATAN  
(Penggal 35)**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN MAKLUMAT DAN BANTUAN  
MEMUNGUT BERKENAAN DENGAN CUKAI) (INDIA), 2019**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 41(1) dari Akta Cukai Pendapatan bahawa jika Menteri Kewangan dan Ekonomi, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah mengisyiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam berhubung dengan cukai di bawah Akta itu dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah tersebut, dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut sepatutnya berkuat kuasa, maka penyusunan tersebut hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan cukai dan perkara lain yang berkaitan di bawah Akta itu dengan tidak menghiraukan apa-apa juga dalam sebarang undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu perjanjian bertarikh 28 haribulan Februari, 2019 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik India, penyusunan telah dibuat antara lainnya bagi pertukaran maklumat dan bantuan memungut berkenaan dengan cukai.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisyiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat bahawa —

(a) perjanjian yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perintah ini telah dibuat dengan Kerajaan Republik India; dan

(b) adalah mustahak bahawa penyusunan tersebut hendaklah berkuat kuasa dengan tidak menghiraukan apa-apa juga dalam sebarang undang-undang bertulis.

## JADUAL

**PERJANJIAN DI ANTARA  
KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
DAN  
KERAJAAN REPUBLIK INDIA**

**BAGI PERTUKARAN MAKLUMAT DAN BANTUAN MEMUNGUT  
BERKENAAN DENGAN CUKAI**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik India, berhasrat untuk memudahkan pertukaran maklumat dan bantuan memungut berkenaan dengan cukai, telah bersetuju seperti yang berikut:

### Perkara 1

#### **TUJUAN DAN SKOP PERJANJIAN**

Pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberi bantuan melalui pertukaran maklumat yang dijangkakan berkaitan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang domestik Pihak-Pihak Pejanji berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Maklumat tersebut hendaklah termasuk maklumat yang dijangkakan berkaitan dengan penentuan, taksiran dan pemungutan cukai itu, mendapatkan kembali dan penguatkuasaan tuntutan cukai, atau penyiasatan atau pendakwaan perkara-perkara cukai. Pertukaran maklumat hendaklah menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan hendaklah disifatkan sebagai rahsia mengikut cara yang diperuntukkan dalam Perkara 8. Pihak-pihak berkuasa yang layak hendaklah juga memberi bantuan antara satu sama lain dalam pemungutan tuntutan cukai. Hak dan perlindungan yang terjamin kepada orang menurut undang-undang atau amalan pentadbiran Pihak yang diminta terus dikenakan setakat mana ia tidak menghalang atau melambatkan secara tidak wajar pertukaran maklumat yang berkesan.

### Perkara 2

#### **BIDANG KUASA**

Suatu Pihak Pejanji tidak diwajibkan untuk memberikan maklumat yang tidak dipegang oleh pihak-pihak berkuasanya atau tidak ada dalam milikan atau kawalan orang yang berada di dalam bidang kuasa wilayahnya.

Perkara 3

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini adalah:
  - (a) dalam hal Negara Brunei Darussalam, semua cukai yang dikenakan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
  - (b) dalam hal India, setiap jenis dan perihalan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan-Kerajaan bahagian kecil politik atau pihak-pihak berkuasa tempatan, tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevi.
2. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada sebarang cukai serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau bagi menggantikan, cukai-cukai sedia ada. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada sebarang cukai yang sebahagian besarnya sama yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada atau bagi menggantikan cukai-cukai sedia ada jika pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji bersetuju demikian. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain mengenai sebarang perubahan substansial terhadap perculaian dan langkah mengumpul maklumat yang berkaitan dan bantuan dalam langkah pemungutan yang mungkin menyentuh obligasi Pihak itu menurut Perjanjian ini.

Perkara 4

TAKRIFAN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, melainkan jika ditakrifkan selainnya:

(a) perkataan "Negara Brunei Darussalam" bermakna wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk laut wilayahnya, yang meliputi ruang udara di atas wilayah tersebut, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan kedaulatan, dan kawasan maritim yang melimpasi laut wilayahnya, termasuk dasar laut dan tanah bawah, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan hak kedaulatan dan bidang kuasa menurut undang-undang antarabangsa;

(b) perkataan "India" bermakna wilayah India dan termasuk laut wilayah dan ruang udara di atasnya, dan juga mana-mana zon maritim lain di mana India mempunyai hak kedaulatan dan bidang kuasa, mengikut undang-undang India dan menurut undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut;

(c) perkataan “Pihak Pejanji” bermakna Negara Brunei Darussalam atau India mengikut kehendak konteksnya;

(d) perkataan “pihak berkuasa yang layak” bermakna:

(i) dalam hal Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan dan Ekonomi atau wakilnya yang diberi kuasa;

(ii) dalam hal India, Menteri Kewangan, Kerajaan India, atau wakilnya yang diberi kuasa;

(e) perkataan “orang” termasuk seorang individu, suatu syarikat, suatu kumpulan orang dan mana-mana entiti lain yang disifatkan sebagai unit yang boleh dicukai di bawah undang-undang perculaian yang masing-masing berkuat kuasa di Pihak-Pihak Pejanji;

(f) perkataan “syarikat” bermakna mana-mana badan korporat atau mana-mana entiti yang disifatkan sebagai suatu badan korporat bagi maksud-maksud cukai;

(g) perkataan “syarikat dagangan awam” bermakna mana-mana syarikat yang kelas saham utamanya disenaraikan dalam suatu bursa saham yang diiktiraf dengan syarat sahamnya yang disenaraikan itu boleh dibeli atau dijual dengan mudah oleh orang ramai. Saham boleh dibeli atau dijual “oleh orang ramai” jika pembelian atau penjualan saham itu tidak terbatas secara tersirat atau jelas kepada suatu kumpulan pelabur yang terhad;

(h) perkataan “kelas saham utama” bermakna kelas atau kelas-kelas saham yang menggambarkan majoriti kuasa mengundi dan nilai syarikat;

(i) perkataan “bursa saham yang diiktiraf” bermakna *National Stock Exchange of India, Bombay Stock Exchange*, mana-mana bursa saham lain yang diiktiraf oleh *Securities and Exchange Board of India*, dan mana-mana bursa saham lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji;

(j) perkataan “dana atau skim pelaburan kolektif” bermakna mana-mana alat pelaburan terkumpul, tanpa mengira bentuk undang-undang;

(k) perkataan “dana atau skim pelaburan kolektif awam” bermakna sebarang dana atau skim pelaburan kolektif yang mengadakan unit, saham atau kepentingan lain ke atas dana atau skim itu boleh dibeli, dijual atau ditebus dengan mudah oleh orang ramai. Unit, saham atau kepentingan lain ke atas dana atau skim itu boleh dibeli, dijual atau ditebus dengan mudah “oleh orang ramai” jika pembelian, penjualan atau penebusan itu tidak terbatas secara tersirat atau jelas kepada suatu kumpulan pelabur yang terhad;

*(l)* perkataan “cukai” bermakna sebarang cukai yang dikenakan oleh Perjanjian ini;

*(m)* perkataan “Pihak yang meminta” bermakna Pihak Pejanji yang meminta maklumat atau mengemukakan permintaan bagi bantuan memungut cukai kepada Pihak yang diminta;

*(n)* perkataan “Pihak yang diminta” bermakna Pihak Pejanji yang diminta memberikan maklumat atau bantuan memungut cukai;

*(o)* perkataan “langkah mengumpul maklumat” bermakna undang-undang dan prosedur pentadbiran atau kehakiman yang membolehkan suatu Pihak Pejanji mendapatkan dan memberikan maklumat yang diminta;

*(p)* perkataan “bantuan dalam langkah pemungutan” bermakna undang-undang dan prosedur pentadbiran atau kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik suatu Pihak Pejanji yang membolehkan Pihak Pejanji itu memungut dan meremitkan tuntutan cukai yang diminta; dan

*(q)* perkataan “maklumat” bermakna apa-apa fakta, pernyataan, dokumen atau rekod dalam bentuk apa pun.

2. Berhubung dengan pengenaan Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Pihak Pejanji, sebarang perkataan yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain atau pihak-pihak berkuasa yang layak bersetuju dengan makna yang sama menurut peruntukan-peruntukan Perkara 11 Perjanjian ini, mempunyai makna yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Pihak itu, apa-apa makna di bawah undang-undang percukaian yang dikenakan di Pihak itu mengatasi makna yang diberikan kepada perkataan itu di bawah undang-undang lain Pihak itu.

### Perkara 5

#### PERTUKARAN MAKLUMAT APABILA DIMINTA

1. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah memberikan maklumat apabila diminta bagi maksud-maksud yang disebut dalam Perkara 1. Pertukaran maklumat tersebut hendaklah tanpa mengambil kira sama ada Pihak yang diminta memerlukan maklumat itu bagi maksud-maksud cukainya sendiri atau sama ada perbuatan yang disiasat itu akan menjadi suatu jenayah di bawah undang-undang Pihak yang diminta jika perbuatan itu berlaku di Pihak yang diminta.

2. Jika maklumat yang ada dalam milikan pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta tidak mencukupi untuk membolehkannya mematuhi permintaan bagi maklumat itu, Pihak itu hendaklah menggunakan segala langkah mengumpul maklumat yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang diminta itu kepada Pihak yang meminta, walaupun Pihak yang diminta mungkin tidak memerlukan maklumat tersebut bagi maksud-maksud cukainya sendiri.
3. Jika diminta secara khusus oleh pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta, pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah memberikan maklumat di bawah Perkara ini, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang domestiknya, dalam bentuk deposisi saksi dan salinan rekod asal yang disahkan.
4. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah memastikan bahawa pihak berkuasanya yang layak, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Perkara 1 Perjanjian ini, mempunyai kuasa untuk mendapatkan dan memberikan apabila diminta:
  - (a) maklumat yang dipegang oleh bank, institusi kewangan lain, dan mana-mana orang, yang bertindak atas sifat agensi atau fidusiari termasuk penama dan pemegang amanah;
  - (b) maklumat mengenai pemilikan syarikat, perkongsian, dana atau skim pelaburan kolektif, amanah, yayasan, “Anstalten” dan orang lain di sisi undang-undang dan benefisial, termasuk, dalam hambatan Perkara 2, maklumat pemilikan mengenai semua orang dalam rantai pemilikan; dalam hal dana atau skim pelaburan kolektif, maklumat mengenai saham, unit dan kepentingan lain; dalam hal amanah, maklumat mengenai setlor, pemegang amanah dan benefisiari; dalam hal yayasan, maklumat mengenai pengasas, ahli-ahli majlis yayasan dan benefisiari; dan maklumat yang sama sekiranya entiti bukan amanah atau bukan yayasan.
5. Perjanjian ini tidak mewujudkan obligasi kepada Pihak-Pihak Pejanji untuk mendapatkan atau memberikan maklumat pemilikan berkenaan dengan syarikat dagangan awam atau dana atau skim pelaburan kolektif awam melainkan jika maklumat tersebut dapat diperolehi tanpa menimbulkan kesulitan yang tidak setimpal.
6. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta hendaklah memberikan maklumat yang berikut kepada pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta apabila membuat permintaan maklumat di bawah Perjanjian ini untuk menunjukkan kaitan maklumat itu yang dijangkakan dengan permintaan tersebut:

- (a) identiti orang yang diperiksa atau disiasat;
- (b) tempoh maklumat itu diminta;
- (c) suatu pernyataan mengenai maklumat yang diminta termasuk jenisnya dan bentuk bagaimana Pihak yang meminta ingin menerima maklumat itu daripada Pihak yang diminta;
- (d) tujuan cukai yang baginya maklumat itu diminta;
- (e) alasan untuk mempercayai bahawa maklumat yang diminta itu ada di Pihak yang diminta atau ada dalam milikan atau kawalan seseorang di dalam bidang kuasa Pihak yang diminta;
- (f) setakat yang diketahui, nama dan alamat mana-mana orang yang dipercayai ada memiliki atau mengawal maklumat yang diminta itu;
- (g) suatu pernyataan bahawa permintaan tersebut menepati dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Pihak yang meminta, bahawa jika maklumat yang diminta itu berada di dalam bidang kuasa Pihak yang meminta maka pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta boleh mendapatkan maklumat itu di bawah undang-undang Pihak yang meminta atau dalam perjalanan biasa amalan pentadbiran dan bahawa ia menepati dengan Perjanjian ini;
- (h) suatu pernyataan bahawa Pihak yang meminta telah melaksanakan segala cara yang ada dalam wilayahnya sendiri untuk mendapatkan maklumat itu, kecuali cara yang akan menimbulkan kesulitan yang tidak setimpal.

7. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah mengemukakan maklumat yang diminta sesegera yang boleh kepada Pihak yang meminta. Untuk memastikan jawapan segera, pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah:

- (a) mengesahkan penerimaan permintaan secara bertulis kepada pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta dan hendaklah memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta mengenai kekurangan dalam permintaan itu, jika ada, dalam masa 60 hari dari permintaan itu diterima.
- (b) jika pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta tidak dapat memperolehi dan memberikan maklumat itu dalam tempoh 90 hari dari permintaan itu diterima, termasuk jika ia menghadapi rintangan dalam memberikan maklumat itu atau ia enggan memberikan maklumat itu, ia hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang meminta, menjelaskan sebab ia tidak dapat, jenis rintangan atau alasan penolakannya.

### Perkara 5A

#### PERTUKARAN MAKLUMAT SECARA AUTOMATIK

Berkenaan dengan kategori-kategori kes dan menurut prosedur yang akan mereka tentukan dengan persetujuan bersama, Pihak-Pihak Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat secara automatik bagi maksud-maksud yang disebut dalam Perkara 1.

### Perkara 6

#### PEMERIKSAAN CUKAI DI LUAR NEGARA

1. Atas permintaan pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta, Pihak yang diminta boleh membenarkan wakil pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta untuk memasuki wilayah Pihak yang diminta, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang domestiknya, untuk menemu duga individu dan memeriksa rekod dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada individu itu atau orang lain yang berkenaan. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta hendaklah memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta mengenai masa dan tempat perjumpaan yang dicadangkan dengan individu yang berkenaan.
2. Atas permintaan pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta, Pihak yang diminta boleh membenarkan wakil pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta untuk hadir dalam bahagian pemeriksaan cukai yang berkenaan di Pihak yang diminta.
3. Jika permintaan yang disebut dalam perenggan 2 disetujui, pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta yang menjalankan pemeriksaan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak yang meminta mengenai masa dan tempat pemeriksaan itu, pihak berkuasa atau pegawai yang ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan itu dan prosedur dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Pihak yang diminta untuk menjalankan pemeriksaan itu. Semua keputusan berkenaan dengan pemeriksaan cukai yang dijalankan itu hendaklah dibuat oleh Pihak yang menjalankan pemeriksaan itu.

### Perkara 7

#### KEMUNGKINAN MENOLAK PERMINTAAN MAKLUMAT

1. Suatu Pihak Pejanji tidaklah dikehendaki untuk mendapatkan atau memberikan maklumat yang tidak akan dapat diperolehi oleh Pihak Pejanji yang satu lagi di bawah undang-undangnya sendiri bagi maksud-maksud pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang cukainya sendiri. Pihak berkuasa yang layak di suatu Pihak Pejanji boleh enggan membantu jika permintaan itu tidak dibuat menepati dengan Perjanjian ini.

2. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidak boleh mengenakan kepada suatu Pihak Pejanji obligasi untuk memberikan maklumat yang akan mendedahkan sebarang rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas, jenis maklumat yang disebut dalam Perkara 5, perenggan 4 tidak boleh disifatkan sebagai rahsia atau proses perdagangan hanya kerana ia memenuhi kriteria dalam perenggan itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidak boleh mengenakan kepada suatu Pihak Pejanji obligasi untuk mendapatkan atau memberikan maklumat, yang akan mendedahkan perhubungan rahsia antara seorang klien dengan seorang peguam, peguam cara atau wakil lain yang diterima di sisi undang-undang jika perhubungan itu:

(a) dikemukakan bagi tujuan meminta atau memberi nasihat undang-undang; atau

(b) dikemukakan bagi tujuan untuk digunakan dalam prosiding undang-undang sedia ada atau yang dijangka.

4. Suatu Pihak Pejanji boleh menolak permintaan maklumat jika pendedahan maklumat itu adalah bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).

5. Permintaan maklumat tidak boleh ditolak atas alasan bahawa tuntutan cukai yang menimbulkan permintaan itu dipertikaikan.

6. Suatu Pihak Pejanji boleh menolak permintaan maklumat jika maklumat itu diminta oleh Pihak Pejanji yang satu lagi untuk melaksanakan atau menguatkusakan suatu peruntukan undang-undang cukai Pihak Pejanji yang satu lagi itu, atau sebarang kehendak yang berhubung kait dengannya, yang mendiskriminasikan terhadap rakyat Pihak Pejanji yang mula-mula disebutkan berbanding dengan rakyat Pihak Pejanji yang satu lagi dalam hal keadaan yang sama.

#### Perkara 8

#### KERAHSIAAN

Sebarang maklumat yang diterima oleh suatu Pihak Pejanji di bawah Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan boleh didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan tadbir) dalam bidang kuasa Pihak Pejanji yang berkenaan dengan taksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkaitan dengan, atau pemutusan rayuan berhubung dengan, cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang atau pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat tersebut hanya bagi tujuan sedemikian. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Maklumat itu tidak boleh

didedahkan kepada mana-mana orang atau entiti atau pihak berkuasa lain atau mana-mana bidang kuasa lain tanpa persetujuan bertulis yang nyata daripada pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang memberikan maklumat itu.

#### Perkara 8A

##### BANTUAN MEMUNGUT TUNTUTAN CUKAI

1. Pihak-Pihak Pejanji hendaklah, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang domestik mereka masing-masing, memberi bantuan kepada satu sama lain dalam memungut tuntutan cukai.

2. Perkataan “tuntutan cukai” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini bermakna apa-apa amaan yang terhutang berkenaan dengan cukai-cukai berikut yang dikenakan oleh Pihak-Pihak Pejanji, berserta dengan faedah, penalti pentadbiran dan kos memungut atau memulihara berkaitan dengan amaan itu:

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam,

- (i) cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35); dan
- (ii) cukai keuntungan petroleum yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) (Penggal 119);

(b) dalam hal India,

- (i) cukai pendapatan (termasuk apa-apa surc妖 ke atasnya) yang dikenakan di bawah *Income Tax Act, 1961*;
- (ii) cukai yang dikenakan di bawah *The Black Money (Undisclosed Foreign Income And Assets) and Imposition of Tax Act, 2015*; dan
- (iii) cukai kekayaan yang dikenakan di bawah *Wealth Tax Act, 1957*.

3. Apabila tuntutan cukai suatu Pihak Pejanji dikuatkuasakan di bawah undang-undang Pihak itu dan terhutang oleh seseorang yang, pada masa itu, tidak dapat, di bawah undang-undang Pihak itu, menghalang pemungutannya, tuntutan cukai itu hendaklah, atas permintaan pihak berkuasa yang layak di Pihak itu, diterima bagi maksud-maksud pemungutan oleh pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang satu lagi. Tuntutan cukai tersebut hendaklah dipungut oleh Pihak yang satu lagi itu menurut peruntukan undang-undangnya yang dikenakan kepada penguatkuasaan dan pemungutan cukainya sendiri seolah-olah tuntutan cukai itu adalah tuntutan cukai Pihak yang satu lagi itu.

4. Apabila tuntutan cukai suatu Pihak Pejanji adalah tuntutan yang berkaitan dengannya Pihak itu boleh, di bawah undang-undangnya, mengambil langkah pemuliharaan dengan tujuan untuk memastikan pemungutannya, tuntutan cukai itu hendaklah, atas permintaan pihak berkuasa yang layak di Pihak itu, diterima bagi tujuan mengambil langkah pemuliharaan oleh pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang satu lagi. Pihak yang satu lagi itu hendaklah mengambil langkah pemuliharaan berkaitan dengan tuntutan cukai itu menurut peruntukan undang-undangnya seolah-olah tuntutan cukai itu adalah tuntutan cukai Pihak yang satu lagi itu walaupun, pada masa apabila langkah tersebut digunakan, tuntutan cukai itu tidak boleh dikuatkuasakan di Pihak yang mula-mula disebutkan atau terhutang oleh seseorang yang mempunyai hak untuk menghalang pemungutannya.
5. Apabila suatu Pihak Pejanji, di bawah undang-undangnya, mengambil langkah pemuliharaan interim dengan membekukan aset sebelum tuntutan cukai ditimbulkan terhadap seseorang, pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang satu lagi jika diminta oleh pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang mula-mula disebutkan hendaklah mengambil langkah untuk membekukan aset orang di Pihak Pejanji tersebut menurut peruntukan undang-undangnya.
6. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 3 dan 4, tuntutan cukai yang diterima oleh suatu Pihak Pejanji bagi maksud-maksud perenggan 3 atau 4 tidak boleh, di Negara itu, tertakluk kepada had masa atau diberikan sebarang keutamaan yang dikenakan kepada tuntutan cukai di bawah undang-undang Negara itu oleh sebab jenisnya yang sedemikian itu. Sebagai tambahan, tuntutan cukai yang diterima oleh suatu Negara Pejanji bagi maksud-maksud perenggan 3 atau 4 tidak boleh, di Negara itu, mempunyai sebarang keutamaan yang dikenakan kepada tuntutan cukai tersebut di bawah undang-undang Pihak Pejanji yang satu lagi.
7. Prosiding berkenaan dengan adanya, kesahan atau amaun tuntutan cukai suatu Pihak Pejanji hendaklah dibawa hanya di hadapan mahkamah atau badan tadbir Pihak itu. Tiada sebarang apa pun dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau memberikan apa-apa hak dalam prosiding tersebut di hadapan mana-mana mahkamah atau badan tadbir Pihak Pejanji yang satu lagi.
8. Jika, pada bila-bila masa selepas permintaan dibuat oleh suatu Pihak Pejanji di bawah perenggan 3 atau 4 dan di hadapan Pihak Pejanji yang satu lagi telah memungut dan meremitkan tuntutan cukai yang berkaitan kepada Pihak yang mula-mula disebutkan, tuntutan cukai yang berkaitan tidak lagi menjadi:
  - (a) dalam hal permintaan di bawah perenggan 3, tuntutan cukai Pihak yang mula-mula disebutkan yang boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Pihak itu dan terhutang oleh seseorang yang, pada masa itu, tidak dapat, di bawah undang-undang Pihak itu, menghalang pemungutannya, atau

(b) dalam hal permintaan di bawah perenggan 4, tuntutan cukai Pihak yang mula-mula disebutkan yang berkenaan dengannya Pihak itu boleh, di bawah undang-undangnya, mengambil langkah pemuliharaan dengan tujuan untuk memastikan pemungutannya,

pihak berkuasa yang layak di Pihak yang mula-mula disebutkan hendaklah dengan segera memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak yang satu lagi mengenai fakta itu dan, atas pilihan Pihak yang satu lagi, Pihak yang mula-mula disebutkan hendaklah sama ada menggantung atau menarik balik permintaannya.

9. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu Pihak Pejanji obligasi untuk:

(a) melaksanakan langkah pentadbiran yang bertentangan dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Pihak Pejanji itu atau Pihak Pejanji yang satu lagi;

(b) melaksanakan langkah yang bercanggah dengan dasar awam (*ordre public*);

(c) memberi bantuan jika Pihak Pejanji yang satu lagi tidak melaksanakan segala langkah yang munasabah dalam memungut atau memulihara, mengikut mana yang berkenaan, yang tersedia ada di bawah undang-undang atau amalan pentadbirannya;

(d) memberi bantuan dalam kes-kes tersebut jika beban pentadbiran bagi Pihak itu jelas tidak setimpal dengan manfaat yang akan diperolehi oleh Pihak Pejanji yang satu lagi.

#### **Perkara 9**

##### **KOS**

1. Melainkan jika pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji bersetuju selainnya, kos biasa yang dilakukan dalam memberikan bantuan hendaklah ditanggung oleh Pihak yang diminta, dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, kos luar biasa yang dilakukan dalam memberikan bantuan hendaklah, jika melebihi 500 dolar AS, ditanggung oleh Pihak yang meminta.

2. Pihak-pihak berkuasa yang layak akan berunding antara satu sama lain, terlebih dahulu, dalam sebarang kes tertentu jika kos luar biasa berkemungkinan melebihi 500 dolar AS untuk menentukan sama ada Pihak yang meminta akan meneruskan permintaan dan menanggung kos.

3. Pihak-pihak berkuasa yang layak hendaklah berunding dari semasa ke semasa berhubung dengan Perkara ini.

4. Kos biasa termasuk kos pentadbiran dalaman, sebarang kos luaran kecil dan perbelanjaan overhed yang dilakukan oleh Pihak yang diminta dalam mengkaji semula dan menjawab permintaan yang dikemukakan oleh Pihak yang meminta. Contoh-contoh kos luar biasa yang dilakukan dalam memberikan bantuan termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) bayaran munasabah yang dikenakan oleh pihak ketiga untuk menyalin dokumen bagi Pihak-Pihak yang diminta;
- (b) kos munasabah untuk menggunakan khidmat jurubahasa, penterjemah atau pakar lain yang dipersetujui;
- (c) kos munasabah untuk menyampaikan dokumen kepada Pihak yang meminta;
- (d) kos litigasi yang munasabah Pihak yang diminta berkenaan dengan permintaan maklumat secara khusus; dan
- (e) kos munasabah untuk mendapatkan deposisi atau testimoni.

#### **Perkara 10**

#### **PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG**

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memperbuat sebarang undang-undang yang perlu untuk mematuhi, dan melaksanakan, terma-terma Perjanjian ini.

#### **Perkara 11**

#### **PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA**

1. Jika kesulitan atau keraguan timbul antara Pihak-Pihak Pejanji berhubung dengan pelaksanaan atau tafsiran Perjanjian ini, pihak-pihak berkuasa yang layak hendaklah berusaha menyelesaikan perkara itu dengan persetujuan bersama.
2. Sebagai tambahan kepada persetujuan yang disebut dalam perenggan 1, pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji boleh sama-sama bersetuju dengan prosedur yang akan digunakan di bawah Perkara-Perkara 5, 5A, 6 dan 8A Perjanjian ini.
3. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi tujuan mencapai persetujuan di bawah Perkara ini.

#### **Perkara 12**

#### **MULA BERKUAT KUASA**

1. Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain secara bertulis, melalui saluran diplomatik, mengenai penyelesaian prosedur yang

dikehendaki oleh undang-undang masing-masing bagi mula berkuatkuasanya Perjanjian ini.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh pemberitahuan kemudian yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini dan hendaklah selepas itu berkuat kuasa dengan serta-merta.

3. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan pertukaran maklumat secara automatik yang dijangkakan dalam Perkara 5A bagi tempoh kena cukai yang bermula pada atau selepas 1hb Januari 2017, atau jika tidak ada tempoh kena cukai, bagi semua caj kepada cukai yang timbul pada atau selepas 1hb Januari 2017.

### Perkara 13

#### PENAMATAN

1. Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh masa yang tidak ditentukan, tetapi, salah satu Pihak Pejanji boleh, selepas tamat tempoh tiga tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa, memberi kepada Pihak Pejanji yang satu lagi, melalui saluran diplomatik, notis penamatan secara bertulis.

2. Penamatan tersebut hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bulan berikutnya tamatnya tempoh enam bulan selepas tarikh menerima notis penamatan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi. Semua permintaan yang diterima sehingga tarikh kuat kuasa penamatan hendaklah diuruskan menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

3. Walaupun Perjanjian ini ditamatkan, Pihak-Pihak Pejanji hendaklah terus terikat dengan peruntukan-peruntukan Perkara 8 berkaitan dengan apa-apa maklumat yang diperolehi di bawah Perjanjian ini.

Pada menyaksikannya, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di New Delhi pada hari ini 28 haribulan Februari 2019, setiap satunya dalam bahasa Melayu, bahasa Hindi dan bahasa Inggeris, semua naskhah adalah sama sahnya. Sekiranya terdapat perbezaan tafsiran, maka naskhah dalam bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

BAGI PIHAK KERAJAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAGI PIHAK KERAJAAN  
REPUBLIK INDIA

DATO PADUKA HAJI SIDEK BIN ALI  
DUTA BESAR  
ISTIMEWA DAN MUTLAK  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TUAN PRAMOD CHANDRA MODY  
PENGERUSI  
LEMBAGA PUSAT  
CUKAI LANGSUNG  
KEMENTERIAN KEWANGAN

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 2 haribulan Disember, 2019.

**DATO SERI SETIA DR. AWANG HAJI MOHD. AMIN LIEW BIN ABDULLAH**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan  
Menteri Kewangan dan Ekonomi II.